

18/09/1997

Perjanjian ambil alih Perdana Finance akhir bulan

HOSPITAL Pantai Bhd (Hospital Pantai), yang sudah mendapat kelulusan Bank Negara untuk mengambil alih keseluruhan ekuiti Perdana Finance Bhd dijangka memeterai perjanjian pembeliannya akhir bulan ini.

Langkah itu diambil sejajar dengan rancangan kumpulan untuk mengubah tumpuan perniagaannya daripada perkhidmatan kesihatan kepada kewangan.

Selain pengambilalihan itu, Hospital Pantai juga akan mengambil alih seluruh ekuiti firma pembrokeran saham, Kestrel Securities Sdn Bhd, anak syarikat 75 peratus Tongkah Holdings Bhd pada pertimbangan RM300 juta secara tunai.

Tongkah Holdings Bhd yang memiliki 21 peratus ekuiti dalam Hospital Pantai akan mengambil alih operasi kesihatan Hospital Pantai sebagai sebahagian pengstrukturannya korporatnya.

Pengerusi Eksekutif Hospital Pantai, Mokhzani Mahathir yang juga pengerusi eksekutif Tongkah, berkata langkah menjadikan Hospital Pantai kumpulan kewangan diambil bagi mengisi ruang sektor itu sebagaimana dikehendaki kerajaan.

Katanya, pengstrukturannya semula Tongkah selaras dengan strategi kumpulan mengukuhkan perkhidmatan kewangan dan portfolio penjagaan kesihatannya yang berpotensi berkembang.

Beliau berkata, ia dijangka diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh enam bulan.

Dalam jangka panjang langkah pengstrukturannya semula itu akan menyaksikan beberapa perubahan dalam penggunaan nama dan imej korporat yang baru.

Beliau yang juga Ketua Eksekutif Hospital Pantai berkata demikian selepas majlis pemindahan penyenaraian Hospital Pantai daripada papan kedua kepada Papan Utama Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), semalam.

Harga saham Hospital Pantai yang ditutup pada RM20 kelmarin dibuka pada RM20.10 dengan kenaikan premium 10 sen.

"Walaupun ia agak rendah tetapi masih baik berbanding beberapa kaunter yang mula disenaraikan di BSKL dan mencatat premium dibawah harga tawaran," katanya.

Mokhzani turut yakin terhadap sentimen pasaran yang hanya bersifat sementara perlu diberi peluang untuk kembali pulih.

"Keadaan ini bukanlah satu isu jangka panjang malah beberapa langkah yang dikenakan kerajaan mampu memberi keyakinan kepada pelabur untuk kembali aktif," katanya.

(END)